

# Contohi nelayan Jepun, Taiwan

5 APR 1986

Dr M

KUALA TERENGGANU, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kaum nelayan di negara ini mengubah sikap dan mengikis amalan menangkap ikan untuk makan sendiri dan menjualnya di kampung sendiri.

Perdana Menteri mahu nelayan menangkap ikan secara besar-besaran dengan menggunakan bot dan peralatan moden supaya hasil tangkapan mereka boleh dijual di seluruh negara.

Apabila hasil tangkapan banyak, pendapatan akan bertambah dan secara tidak langsung taraf hidup mereka bertambah baik serta kemiskinan dapat dihapuskan, katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan lebih 5,000 orang, ke-

baran, sanggup menangkap ikan di laut dalam dan bersedia menjadikan bot sebagai rumah hingga lebih sebulan," ujarnya.

Dalam hal ini, kata beliau, kemudahan bukan perkara utama tetapi yang penting ialah kebolehan menangkap ikan dan kerja-kerja mengurus.

Perdana Menteri berkata jika sistem menangkap ikan diubah, bilangan yang menangkap ikan tidak perlu ramai kerana kemudahan teknologi boleh membantu mereka.

Katanya, nelayan yang sudah tua boleh membuat kerja-kerja di darat seperti membuat pukot, menjual ikan, memproses ikan dan mengusahakan kilang air batu untuk meningkatkan pendapatan.

banyaknya nelayan ketika merasmikan Pelabuhan Perikanan Cendering berharga \$25.24 juta dekat sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, generasi muda harus membuat pelbagai menangkap ikan secara moden dan sanggup turun ke laut hingga lebih sebulan bagi memastikan hasil tangkapan yang memuaskan.

## Pukat

Kerajaan, katanya, sedia membantu nelayan asalkan mereka sanggup bekerja keras dan mahu menggunakan teknik baru menangkap ikan.

Beliau berharap nelayan negara ini mencontohi nelayan Jepun dan Taiwan yang sanggup turun ke laut sejauh beribu-ribu kilometer.

Nelayan negara itu menggunakan teknik menangkap ikan moden dan menyediakan bot yang lengkap dengan kilang memproses dan menyejukkan ikan, katanya.

"Saya harap nelayan kita menyahut ca-

Beliau tidak menafikan kehidupan nelayan sekarang belum memuaskan dan boleh dikatakan miskin.

"Tapi kita harus ingat bahawa kemiskinan mereka bukan kerana tiada ikan di laut, tetapi kerana cara menangkap ikan yang sudah tidak sesuai lagi," ujarnya.

Perdana Menteri berkata rakyat termasuk nelayan, patut bersyukur kerana banyak projek dijalankan untuk kemudahan dan meninggikan taraf hidup mereka.

"Setengah-setengah kemudahan itu diberi percuma dan ada yang dikenakan sedikit bayaran. Semuanya ini adalah untuk memastikan rakyat terus hidup bahagia, aman dan damai," katanya.

Beliau percaya rakyat negara ini khususnya di luar bandar memerlukan pertolongan kerajaan. Untuk itu mereka perlu terus menyokong kerajaan yang memerintah sekarang.

Berbanding zaman pemerintahan sebelum merdeka dulu, kerajaan sekarang katanya, boleh dianggap sebagai satu badan kebajikan yang membantu dan memberi kebajikan kepada rakyat seperti membina rumah kos rendah, kemudahan sekolah, klinik, jalan, bekalan air dan elektrik.